



**SMK RIAM, MIRI**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN II**  
**OGOS 2023**

**PERNIAGAAN (Skema)**  
**KERTAS 2**  
**3766/2**  
**2 JAM 15 MINIT**  
**TINGKATAN 5**

Nama : \_\_\_\_\_


Kelas : \_\_\_\_\_

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **3 bahagian**, Bahagian A : Mengandungi (6 soalan), Bahagian B : Mengandungi (3 soalan) dan Bahagian C: (1 soalan)

**Bahagian A**  
**[50 markah]**

Arahan: Jawab 5 soalan sahaja.

1. Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Encik Danesh dengan Encik Taufik



Gambar 1

- (a) Berikan dua jenis bentuk pemilikan perniagaan yang dicadangkan oleh Encik Taufik [2 markah]

**JAWAPAN**

F1 Perkongsian biasa

H1 Jenis perkongsian yang mempunyai rakan kongsi biasa yang menanggung liabiliti tidak terhad

F2 Perkongsian Berhad

H2 Liabiliti terhad setakat modal yang dilaburkan sahaja

F3 Perkongsian Liabiliti Terhad

H3a Dikawal selia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

H3b Menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional

- (b) Nyatakan dua aspek untuk menentukan klasifikasi perniagaan tersebut [2 markah]

**JAWAPAN**

F1 Saiz

F2 Sektor

(c) Gambar 2 merupakan sebuah organisasi perniagaan.



Gambar 2

i) Apakah saiz dan skala perniagaan di atas

[2 markah]

**JAWAPAN**

H1-Saiz perniagaan di atas adalah besar  
H2-Skala pula adalah Antarabangsa (Global)

ii) Nyatakan empat kelebihan perniagaan yang bersaiz di 1c(i)

[4 markah]

**JAWAPAN**

F1 Modal dan keuntungan yang besar  
F2 Menikmati ekonomi bidangan  
F3 Dapat menguasai pasaran  
F4 Wujudnya pengkhususan dalam pengurusan

2. Berikut merupakan perbualan antara dua orang suri rumah tangga di sebuah pasar raya.

Pn Aini: Keseluruhan harga barang di pasar raya ini telah meningkat.

Pn Siti : Bukan pasar raya ini sahaja, pasar raya di seluruh negara Malaysia juga sama.  
Harga barang telah meningkat secara berterusan sejak tahun lepas.

i. Apakah masalah ekonomi tersebut?

[2 markah]

**JAWAPAN**

F1-Masalah ekonomi Inflasi  
H1-Inflasi ialah kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan  
H2-Berlakunya Inflasi tolakan kos (kenaikan harga barang disebabkan kenaikan kos pengeluaran )

ii. Nyatakan 2 dasar yang digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi di 2(a)(i) dan jelaskan dasar tersebut. [4 markah]

**JAWAPAN**

F1- Dasar fiskal  
H1a -Meningkatkan kadar cukai pendapatan  
H1b -Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan

F2 - Dasar kewangan

H1a - Meningkatkan kadar faedah pinjaman bank

H1b - Menurunkan cukai eksport/ menggalakkan aktiviti eksport barang

H1c - Meningkatkan cukai import/ mengurangkan import barang

iii.



Gambar 3

Terangkan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan berdasarkan trend dalam Gambar 3 tersebut. [4 markah]

### JAWAPAN

F1 Guna tenaga

H1 Guna tenaga penuh/ kadar pengangguran pada paras 4%/ kurang


F2 Pendapatan

H2 Pendapatan boleh guna meningkat

F3 Pertumbuhan ekonomi

H3 Semakin berkembang

3. a) Gambar 4 berkaitan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.



Gambar 4

Jelaskan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan bagi A, B dan C.

[6 markah]

### **JAWAPAN**

F1- A-Menyediakan rancangan perniagaan

H1-USahawan menyediakan rancangan perniagaan sebagai pelan untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak yang berkenaan.

F2- B-Mendapatkan khidmat nasihat kewangan

H2-Khidmat nasihat berkaitan kelayakan, had pembiayaan, cagaran, margin pembiayaan dan kaedah bayaran balik daripada pihak bank atau agensi kerajaan.

F3- C-Membuat permohonan

H3-USahawan hendaklah memohon pembiayaan daripada institusi kewangan atau agensi kerajaan yang dipilih dengan mematuhi segala prosedur dan syarat lain.

- b) Jelaskan sumber pembiayaan berikut:

i. Sewa beli

[2 markah]

H1 Aktiviti menyewa asset dengan tujuan untuk membeli asset tersebut

H2 Bank/Institusi kewangan akan membeli asset tersebut dan diberi sewa kepada usahawan

H3 Bayaran dibuat secara berkala/bulanan/ansuran

H4 Hak milik berpindah kepada usahawan selepas semua ansuran dijelaskan

ii. Pemfaktoran

[2 markah]

H1 Kemudahan pembelian akaun penghutang/invois

H2 Disediakan oleh bank/institusi kewangan/syarikat pemfaktoran untuk sesebuah perniagaan

H3 Syarikat pemfaktoran membeli invois /akaun belum terima pada harga diskaun

H4 Peniaga memindahkan tugas pengutipan hutang daripada pelanggan kepada syarikat pemfaktoran

4. a) Nyatakan empat faktor penyumbang yang boleh membantu seorang usahawan berjaya dalam perniagaan yang bakal diceburinya.

[4 markah]

F1 Modal

F2 Kemahiran

F3 Lokasi yang sesuai

F4 Pemasaran

F5 Bantuan Profesional

F6 Latihan

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Haiqal seorang usahawan muda.

Haiqal telah menceburi dalam bidang penyediaan makanan dengan membuka sebuah restoran selama 5 tahun. Restorannya beroperasi setiap hari dan terletak bersebelahan dengan Pasar Raya Mulia di bandar Kuala Terengganu dan mempunyai pekerja seramai 10 orang.

- i. Mengapakah beliau memilih lokasi tersebut? [3 markah]
- H1 Tempat tumpuan ramai  
 H2 Berhampiran pelanggan dan pembeli  
 H3 Ada kemudahan infrastruktur  
 H4 Mudah dikunjungi
- ii. Nyatakan kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat. [3 markah]
- H1 Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat  
 H2 Menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan  
 H3 Mewujudkan peluang pekerjaan

5. a) Gambar berikut menunjukkan dua jenis aset perniagaan.



Berdasarkan gambar di atas, huraikan prosedur menguruskan sumber fizikal tersebut. [4 markah]

### **JAWAPAN**

#### **F1-Perlindungan insurans dan keselamatan**

H1(a)-Insurans kebakaran bagi melindungi kilang dan mesin daripada kerugian akibat kebakaran

H1(b)-Insurans kecurian melindungi perniagaan daripada kehilangan atau kerosakan akibat rompakan atau kecurian.

#### **F2-Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang**

H2a-Penyediaan jadual pemeriksaan untuk memastikan kerosakan peralatan dapat dicegah sebelum peralatan rosak

H2b - kerja- kerja pembaikan perlu dilaksanakan bagi membaiki peralatan yang bermasalah

- b) Huraikan prosedur mengurus sumber fizikal yang diperlukan dalam operasi perniagaan. [6 markah]

### **JAWAPAN**

F1 Perlindungan Insurans dan keselamatan

H1a Syarikat perabot perlu melindungi sumber fizikal dengan membeli insurans

H1b mengurangkan kerugian akibat berlakunya risiko

H1c mendapat pampasan / ganti rugi

H1d dilengkapi alat keselamatan

F2 Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

H2a syarikat perlu memastikan terdapat penyelenggaraan dan

H2b baik pulih sumber fizikal secara berkala

Membaik pulih mesin dan peralatan yang rosak segera

C2 penyediaan jadual pemeriksaan

6. a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pembiayaan.

Zaleha mengambil keputusan memulakan perniagaan jahitan baju pengantin secara kecil-kecilan. Beliau memerlukan modal tetapi tidak bercadang untuk membuat pinjaman daripada agensi kerajaan ataupun bank.

- (i) Apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Zaleha? Kemukakan alasan [4 markah]

**JAWAPAN**

F1 Sumber pembiayaan dalaman

H1 simpanan peribadi / wang simpanan peribadi

H2 modal daripada keuntungan / rizab

H3 yang diperolehi daripada hasil pelaburan

H4 mudah dan cepat tidak melibatkan pihak lain

H5 tidak perlu jaminan / cagaran

- (ii) Jelaskan kekuatan sumber pembiayaan di 6(a). [3 markah]

**JAWAPAN**

H1 cepat dan ringkas

H2 tidak melibatkan kos

H3 seperti faedah atas pinjaman

- b) Jelaskan kelebihan overdraf dalam membantu peniaga meluaskan perniagaan? [3 markah]

H1 Merupakan kemudahan kredit yang disediakan oleh bank perdagangan

H2 Disediakan untuk pemegang akaun semasa

H3 Boleh mengeluarkan wang melebihi jumlah wang dalam akaun semasa setakat had yang ditetapkan

H4 Faedah dikenakan ke atas jumlah overdraf yang digunakan mengikut kadar harian

**Bahagian B**  
**[30 markah]**

Arahan: Jawab 2 soalan sahaja.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan penetapan objektif sebuah perniagaan.

Arshad merupakan pemilik AH Katering mensasarkan:

- i. Perniagaannya menjadi pilihan utama penduduk di daerah Kuantan
- ii. Dapat menyediakan makanan dan perkhidmatan terbaik dengan harga yang kompetitif dengan lebih nilai, berkhidmat dengan penuh semangat, komitmen dan profesional.
- iii. Dapat mencapai jumlah jualan tahunan RM200 000

(a) Anda berpendapat Arshad telah menetapkan objektif perniagaan yang baik. Terangkan ciri-ciri objektif perniagaan yang telah dipenuhi oleh Arsha. [8 markah]

**JAWAPAN**

F1 Spesifik

H1 Ciri objektif dinyatakan secara khusus / tindakan yang boleh diukur secara kuantitatif

F2 Boleh diukur

H2a Objektif yang ditetapkan boleh diukur secara kuantitatif kualitatif

H2b Perbandingan antara pencapaian sebelum dan selepas aktiviti dijalankan

F3 Boleh dicapai

H3 Penentuan berdasarkan sasaran yang boleh dicapai jika pekerja mengembleng tenaga sepenuhnya berdasarkan sumber yang ada

F4 Munasabah

H4 Penetapan objektif menjurus kepada peluang yang tidak mustahil untuk mencapainya

F5 Jangka masa

H5 Satu tempoh masa yang perlu ada dalam sesuatu penentuan objektif perniagaan

(b) Jelaskan kesan sekiranya AH Katering gagal mencapai matlamat dan objektif penubuhannya. [7 markah]

**JAWAPAN**

H1 Jualan merosot

H1a Hasil jualan tidak dapat mencapai matlamat / objektif perniagaan

H2 Tidak mampu membayar kos perniagaan

H2a Kegagalan mendapatkan keuntungan menyebabkan kos operasi tidak mampu dibayar oleh perniagaan.

- H2b Kos yang perlu ditanggung oleh perniagaan terdiri dari kos tetap dan kos berubah
- H3 Gagal dalam persaingan
- H3a Tidak mendapat kedudukan kewangan yang kukuh untuk membina strategi dalam menghadapi persaingan
- H4 Imej perniagaan terjejas
- H4a Perniagaan sukar mendapat kerjasama dari pihak berkepentingan
- H4b Pihak pembiayaan akan mengenakan syarat yang ketat untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan
- H5 Tidak mampu mengembangkan perniagaan
- H5a Sukar untuk mengembangkan perniagaan
- H5b Sukar meluaskan pasaran / bertahan dalam industri

8. (a) Datin Seri Atiqah bercadang ingin membuka butik dalam talian dengan menggunakan media sosial.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan dan kekurangan penggunaan media sosial dalam menjalankan sesebuah perniagaan. [8 markah]

### **JAWAPAN**

#### Kelebihan

- H1 Mempercepat urusan niaga
- H2 Menambah pelanggan
- H3 Boleh mengurus niaga dimana-mana/ 24 jam sehari
- H4 Promosi lebih menarik, cantik

#### Kekurangan

- H5 Memerlukan pekerja yang mahir dalam bidang teknologi maklumat
- H6 Menambah beban kerana perlu melayan pelanggan di kedai dan di atas talian serta pengurusan stok
- H7 Risiko ditipu oleh pelanggan
- H8 Jejaskan nama baik perniagaan - tular perkara yang pelanggan tidak puas hati

- (b) Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada usahawan untuk memulakan perniagaan adalah latihan.

Jelaskan kepentingan latihan kepada usahawan. [7 markah]

### **JAWAPAN**

- F1 Modal yang dimiliki
- F2 Kemahiran yang dimiliki / diperolehi / yang ada
- F3 Lokasi perniagaan yang strategik
- F4 Latihan yang diikuti
- F5 Stok yang dimiliki



9. Petikan dari keratan akhbar berikut berkaitan dengan pendaftaran perniagaan.

29 Mei 2017 3.00 AM

Melaka 28 Mei Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan mewajibkan semua peniaga dalam talian yang menjalankan perniagaan melalui pasaran dalam internet atau menerusi syarikat e-dagang seperti Lazada, berdaftar dengan SSM dalam tempoh enam bulan akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Zahrah Abd Wahab Fenner berkata langkah berkenaan yang turut menepati Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, bertujuan melindungi pengguna daripada ditipu selain memberi jaminan kepada pembeli.

- a) Pada pendapat anda, apakah faedah kepada peniaga dan pengguna berikutan arahan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di atas? [8 markah]

### **JAWAPAN**

#### **Faedah kepada peniaga dan pengguna**

- H1 Mendapat entiti yang sah/perniagaan sah disisi undang-undang
- H2 Tidak dikenakan kompuan/tindakan
- H3 Layak mengikat kontrak/perjanjian dengan bank
- H4 Memabantu waris tuntutan hak/harta/diwarisi
- H5 Layak dapat perlindungan insurans kerajaan
- H6 Layak dapat pinjaman mikro kerajaan/bank rakyat/TEKUN/MARA
- H7 Untuk mendapat lessen premis perniagaan/permit
- H8 Kerajaan dapat maklumat peniaga dengan mudah/beri bantuan
- H9 Dapat kemudahan menghadiri kursus/seminar/latihan
- H10 Pengguna tidak ditipu oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab
- H11 Lokasi perniagaan peniaga mudah dikesan oleh pihak berkuasa
- H12 Pengguna lebih yakin untuk membeli produk secara atas talian
- H13 Hak pengguna terjamin /tuntut ganti rugi

- b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu di patuhi oleh usahawan setelah pendaftaran perniagaan mereka diluluskan oleh suruhanjaya berkenaan [7 markah]

### **JAWAPAN**

- H1 Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran/lessen/permit
- H2 Ditempat yang boleh dilihat
- H3 Mempamerkan papan tanda perniagaan
- H4 Mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh PBT
- H5 Nama/nombor pendaftaran perniagaan tertera pada dokumen rasmi perniagaan
- H6 Resit/invois/nota serahan
- H7 Memperbaharui sijil perniagaan bila bila masa sebelum tempoh 30 hari selepas pendaftaran
- H8 MEndaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam amsa 30 ahri dari tarikh perubahan
- H9 Menamatkan pendaftaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan

**Bahagian C**  
**[20 markah]**

**'Jatuh bangun' usahawan LPizz Pizza**

Pengarah urusan MFZ Maju Bersatu Sendirian Berhad, Encik Feroz Zainal yang berusia 45 tahun memulakan perniagaan dari peringkat bawah dan berhadapan dengan pelbagai cabaran sebelum layak diiktiraf antara usahawan prafrancaisor dan pembekal produk piza yang berjaya di negara. Beliau merupakan seorang graduan Diploma Pengurusan Hotel dan pernah bekerja sebagai chef selama 20 tahun di merata-rata tempat seluruh dunia untuk menimba pengalaman dalam bidang masakan.

Pada tahun 1997, beliau pulang ke tanah air dan memilih untuk membuka perniagaan dengan memasak dan menjual roti bom dan acar serta lain-lain makanan yang tahan lama. Beliau menggunakan wang simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi mengumpulkan modal kira-kira RM22 000 sebagai modal permulaan. Pada mulanya, beliau menjalankan perniagaan dari rumah ke rumah dan kemudian membuka sebuah restoran pada tahun 2009 di Kuala Kubu Bharu yang menjual makanan panas, nasi ayam, mi udang dan bahun sup. Perniagaan restoran ini dijalankan dengan meminjam tapak dan lesen perniagaan orang lain. Pada mulanya perniagaan restorannya berjalan dengan baik, namun kemudian mengalami kemerosotan apabila pemilik tapak mengambil alih semula tapaknya itu. Justeru, beliau memikirkan strategi lain. Beliau mengubah konsep perniagaan dan selepas menghadapi pelbagai cabaran yang ditempuhnya itu, akhirnya membuka MFZ Maju Bersatu Sendirian Berhad pada tahun 2012.

Syarikat baharu beliau itu membuat dan membekalkan produk berasaskan piza. Produk tersebut adalah hasil gabungan idea dan kerjasama antara Encik Feroz dengan rakan-rakannya. Beliau sedar bahawa menjalankan perniagaan melalui pasukan lebih memudahkan pelaksanaan kerja. Berkat kesungguhan dan keazaman Encik Feroz bersama rakan-rakan lain, LPizz Pizza sekarang dikenali antara usahawan prafrancaisor di bawah Program Transformasi Perniagaan (BIT) yang dikendalikan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS). Biar pun pada mulanya LPizz Pizza hanya dikenali di perniagaan pasar malam, pendapatan tahunan mampu mencecah hampir RM600 000. Kini, Encik Feroz mempunyai 15 orang rakan niaga di samping rangkaian di seluruh negara antaranya di Kedah, Perak dan Pahang. Beliau juga merancang meluaskan pengendalian operasi menerusi penggunaan kenderaan mudah alih bagi menjual piza dengan menyasarkan 10 sebuah kenderaan berkenaan tahun ini. LPizz Pizza berusaha menembusi pasaran Indonesia tahun ini selepas selesai proses perundingan dan kajian pasaran untuk jenama berkenaan di negara itu.

*(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada ruangan Bisnes, Berita Harian, 8 Februari 2016:*

*'Jatuh bangun' usahawan LPizz Pizza oleh Nurhayati Abillah)*

Arahan: Jawab semua soalan bagi kajian kes yang berikut.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Jelaskan **dua** kemahiran keboleherjaan yang dimiliki oleh Encik Mohd Feroz. [4 markah]

Jawapan:

Kemahiran keboleherjaan yang dimiliki oleh Encik Mohd Feroz:

**F1** kelayakan yang sesuai

**H1** mempunyai kelayakan Diploma Pengurusan Hotel

**F2** berpengalaman

**H2** pernah bekerja sebagai chef selama 20 tahun di merata-rata tempat menimba pengalaman dalam bidang masakan

(b) Jelaskan sumber pembiayaan perniagaan yang digunakan oleh Encik Mohd Feroz untuk memulakan perniagaan. [4 markah]

Jawapan:

Sumber pembiayaan yang digunakan oleh Encik Mohd Feroz:

**F1** sumber pembiayaan dalaman

**H1** dengan menggunakan simpanan peribadi

**C1a** wang simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak RM22 000

C1b sebagai modal permulaan

(c) Jelaskan kekuatan diri usahawan yang dimiliki oleh Encik Mohd Feroz.

[12 markah]

Jawapan:

Kekuatan diri yang dimiliki oleh Encik Mohd Feroz:

- F1 kemahiran pembangunan karakter diri  
 H1 usahawan dapat membentuk kemahiran pembangunan karakter diri melalui pengalaman dan cabaran perniagaan, seperti kebolehan membuat keputusan  
 C1 Encik Mohd Feroz mengubah konsep perniagaan selepas menghadapi pelbagai cabaran yang ditempuhnya
- F2 perhubungan baik dengan pasangan  
 H2 seseorang usahawan mampu berkomunikasi dengan jelas dan berkesan bagi menjayakan sesebuah perniagaan  
 C2 Mohd Feroz berjaya membuat dan membekalkan produk berasaskan piza hasil gabungan idea dan kerjasama rakan dan kerja berpasukan
- F3 fokus tenaga dan tumpuan  
 H3 usahawan perlu bijak menetapkan visi dan misi perniagaannya serta fokus terhadap perkara yang menjayakan perniagaannya  
 C3 berkat kesungguhannya dan keazaman Encik Mohd Feroz dan rakan-rakan lain, LPizz Pizza berjaya menjadi usahawan pra francais di bawah Program Transformasi Perniagaan (BIT)
- F4 keupayaan membina jenama  
 H4 usahawan harus membina jenama yang kukuh agar dapat membina rangkaian perniagaan dan meyakinkan pengguna tentang kualiti barang  
 C4 Encik Mohd Feroz mempunyai 15 orang rakan niaga dan mempunyai rangkaian perniagaan di seluruh negara dan sedang berusaha menembusi pasaran Indonesia pula

#### KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

( ANGELIA GOH MEI YING )

Disemak oleh,

( SARKAWI KARIA )